



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : ismailmerican@moh.gov.my

**URGENT**

(24)KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld.2

28 Januari 2010

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 3/2010**  
**DENGUE ALERT: PENINGKATAN KES DENGGI DI SELURUH NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kejadian kes denggi telah meningkat sejak akhir bulan September 2009 sehingga kini dan peningkatan ketara berlaku pada tiga minggu pertama tahun ini. Pada minggu ketiga, sebanyak 1065 kes telah dilaporkan berbanding 997 kes pada minggu sebelumnya. Lebih membingungkan lagi sehingga 23 Januari 2010, kadar kematian denggi juga meningkat pada tahun ini iaitu 0.37% berbanding 0.26% bagi tempoh sama pada tahun 2009. Dari pemantauan yang dibuat di seluruh negara, tindakan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang dilaksanakan masih belum mencapai tahap berkesan untuk membendung jangkitan denggi di dalam masyarakat.

3. Sehubungan itu, untuk memperkukuhkan kawalan denggi, Pengarah Kesihatan Negeri diminta memberi tumpuan secara peribadi bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di negeri masing-masing ke tahap cekap dan berkesan. Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta mengambil tindakan segera terhadap perkara-perkara penting yang memerlukan penambahbaikan. Arahan tambahan ini hendaklah dibaca bersama dengan arahan-arahan yang telah diberikan sebelum ini termasuk Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 24/2009 *Dengue Alert: Peningkatan Kes Denggi Di Seluruh Negara* yang bertarikh 26 November 2009 bersiri (21) dlm KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld.2

4. Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta mengambil tindakan segera kepada perkara-perkara berikut:

- a. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) termasuk mengeluarkan kompaun maksimum RM 500.00 ke atas premis yang terdapat pembiakan Aedes.

- b. Mengambil tindakan kompaun terhadap pengamal perubatan yang gagal membuat notifikasi kes bagi kes yang disyaki denggi dalam masa 24 jam mengikut Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988.
  - c. Pengarah Kesihatan Negeri perlu mengenal pasti Pakar Perubatan Kanan di setiap hospital utama bagi mengetuai *Dengue Management Team* di hospital dan negeri tersebut.
  - d. Memastikan semua *front-liners* telah mendapat latihan dalam pengurusan kes Demam Denggi seperti yang terdapat di dalam *Clinical Practice Guidelindelines: Management of Dengue Infection in Adults (2nd Edition)*
  - e. Meningkatkan penglibatan ketua masyarakat dan masyarakat setempat dalam melaksanakan aktiviti pengurangan sumber pembiakan nyamuk (*source reduction*) melalui aktiviti seperti gotong-royong, Program COMBI atau aktiviti yang serupa dengannya.
  - f. Meningkatkan kerjasama dengan Pihak Kerajaan Tempatan dalam aktiviti kawalan demam denggi dengan mengaktifkan Jawatankuasa Tindakan Wabak Negeri / Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai EXCO Negeri (Kesihatan) atau Pegawai Daerah. Taklimat perlu diberikan mengenai situasi denggi semasa dan tindakan yang akan dilaksanakan bersama Pihak Berkuasa Tempatan.
  - g. Meningkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi termasuk penguatkuasaan seperti yang disarankan oleh Y.B. Menteri Kesihatan dalam *Kempen Perang Habis-Habisan* terhadap denggi.
5. Analisa situasi di kawasan masing-masing mesti dijalankan bagi mengenal pasti keadaan sebenar kejadian dan isu-isu yang perlu diberi keutamaan dalam aktiviti kawalan denggi. Pemantauan rapi dan berterusan diperlukan di setiap peringkat agar perkara-perkara di atas dilaksanakan dengan berkesan dan dapat mengurangkan kes denggi di daerah, negeri dan negara. Pegawai-pegawai teknikal di peringkat negeri perlu memantau situasi demam denggi di daerah, memberikan khidmat nasihat dan bantuan seperti yang diperlukan termasuk mengadakan lawatan ke lapangan. Pegawai Kesihatan Daerah dan pegawai teknikal daerah juga perlu memantau dan menyelia secara peribadi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi yang dilaksanakan di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**(TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia